

05/05/1998

Kewartawanan perosak tidak wujud di Malaysia

Mohd Shah Abdullah

SEPERTI diungkapkan Tokoh Wartawan Negara, Tan Sri A Samad Ismail dalam bukunya Antara Pemikiran A Samad Ismail (1997, h13), zaman kita menjadikan persuratkhabaran Barat sebagai contoh sudah berakhir. Yang masih kekal menjadi pegangan prinsip bersama - sama ada wartawan di negara maju atau negara membangun - ialah kebenaran dan ketepatan fakta, satu syarat pokok yang dipersetujui dan diamalkan, tidak pernah wujud kompromi mengenainya dalam bidang pemberitaan.

Namun, selama-lamanya kita tidak boleh terikat kepada orang lain. Sudah tentu sistem politik, masyarakat, budaya, pendekatan dan tradisi kita dalam menangani sesuatu isu berbeza dengan apa yang difahami dan ditanggapi Barat.

Sekurang-kurangnya itulah tafsiran kepada luahan Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor apabila beliau membidas laporan media asing berhubung cara penghantaran pulang pendatang tanpa izin di negara ini. Bagi Rahim, ini adalah satu bentuk 'kewartawanan perosak' bagi memburukkan imej negara (BH, 1 Mei).

Beliau berkata, wartawan media asing sengaja mencungkil sesuatu yang luar biasa untuk didedahkan agar ia boleh menjejaskan imej negara dan dalam masa yang sama meretakkan hubungan antara Malaysia dan Indonesia.

"Saya perhatikan jenis kewartawanan perosak ini lebih ditunjukkan oleh wartawan media Barat yang akan mencari sesuatu sehingga ke lubang cacing," katanya merujuk kepada ulasan laporan media asing mengendalikan penghantaran pulang pendatang tanpa izin ke negara asal mereka.

Secara lebih khusus beliau mempertikaikan cara laporan akhbar The Sunday Observer (edisi Ahad) dan akhbar The Independent di Britain yang mendakwa kononnya pihak berkuasa polis meracun beramai-ramai pelarian dan pekerja asing untuk melemahkan mereka sebelum dihantar pulang.

Dakwaan itu sangat berat dan ia sekali gus menyentuh sensitiviti pihak keselamatan negara ini yang bertanggungjawab mengawal keamanan, ketenteraman dan keharmonian negara. Lebih-lebih lagi ia menyentuh hubungan jiran dua hala Malaysia-Indonesia. Soalnya, adakah akhbar berkenaan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap laporan itu dan daripada sumber autentik manakah berita itu diperolehi?

Apakah The Sunday Observer sanggup membohongi khalayak pembacanya? Apakah justeru persaingan pengedaran dan jualan menyebabkan akhbar ini tergamak berbohong? Atau adakah ini satu cara bagi memburukkan imej Malaysia atas nama kebebasan akhbar.

Harus disedari, media antarabangsa tidak pernah menyebelahi kita walaupun dalam apa keadaan sekalipun, lebih-lebih lagi dalam suasana kegawatan ekonomi sekarang. Jika dalam keadaan ekonomi negara di tahap kemuncak, media antarabangsa menunjukkan sedikit euforia dan memuji keupayaan kita, kini dengan keadaan yang dialami, sikap mereka berubah kepada pesimisme. Sesuatu yang sudah diduga, malah sarjana Pengajian Asia Tenggara, John Funston dalam makalahnya menerusi jurnal Pemikir (April-Jun 98) mengakui kenyataan itu pada perenggan pertama lagi dalam esainya 'Politik Asia Tenggara Setelah Kegawatan Ekonomi.'

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan Malaysia mungkin mengambil tindakan terhadap akhbar Britain itu kerana menyiarkan laporan palsu berhubung dakwaan pihak berkuasa negara ini meracun dan membunuh pendatang tanpa izin itu.

Malah, beliau mendedahkan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO)

tempatan disiasat dan kemungkinan turut dikenakan tindakan kerana menyalurkan berita palsu itu kepada media asing berkenaan.

Dalam isu kebanjiran pendatang tanpa izin ini, Menteri Besar Kelantan yang juga Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz pernah berkata, negara jiran sepatutnya sama-sama menjaga rakyat masing-masing agar tidak berhijrah ke Malaysia yang kini terpaksa menanggung kesusahan dalam kegawatan ekonomi sekarang.

Bagi beliau walaupun nasib pendatang asing untuk mencari nafkah ekonomi itu menimbulkan simpati, hakikat harus diterima kesusahan yang dihadapi negara kini tidak memungkinkan Malaysia boleh menampung jumlah mereka yang terlalu ramai. Dianggarkan lebih dua juta pendatang asing kini berada di negara ini, jumlah itu boleh meningkat berkali ganda andainya kebocoran kawalan keselamatan berlaku di sempadan serta pintu masuk utama.

Perdana Menteri dan Ketua Polis Negara jelas menunjukkan sikap tidak senang terhadap pihak asing, khususnya media memburuk-burukkan negara dengan sewenang-wenangnya. Mempertikaikan sistem kepolisian kita sudah tentu memberi kesan negatif terhadap pengendalian sistem keadilan dan kawalan keselamatan di negara ini. Sebelum ini pun beliau tidak senang dengan cara sebuah akhbar di negara jiran memburukkan imej negara kononnya Malaysia menjadi markas melatih gerila.

"Ini hanya cerita rekaan untuk mengheret Malaysia dan Indonesia berkonfrontasi dalam suasana kegawatan ekonomi," kata Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Ahmad Azam Abdul Rahman.

Pertubuhan dakwah dan gerakan reformasi sosial itu juga menyifatkan media Barat mempunyai agenda tersendiri untuk memburuk-burukkan imej negara dengan menyebarkan berita separuh benar kononnya pasukan keselamatan negara meracun dan membunuh pendatang asing dari Aceh.

Berasaskan premis itu, nyata sekali tradisi budaya dan pegangan nilai memisahkan dunia persuratkhabaran di negara maju Barat dan negara membangun seperti Malaysia. Tentulah dalam sebuah negara kecil yang berlatarbelakangkan kemajmukan, kebebasan akhbarinya tidak boleh sama sekali sama seperti amalan di Barat.

Perkara menyentuh sensitiviti agama, perasaan kaum dan budaya, media di Malaysia tidak boleh sewenang-wenang menggembur dan meledakkan isu. Harga perpaduan dan keharmonian bagi sebuah negara kecil serta membangun seperti Malaysia terlalu mahal untuk dikompromi. Oleh itu, media tempatan sama sekali tidak mengamalkan corak `kewartawanan perosak' yang diamalkan media Barat tetapi `kewartawanan membina'. Dalam banyak hal, media kita sedia bekerjasama membantu pelaksanaan dasar kerajaan bagi menjayakan matlamat nasional yang lebih besar atau seperti diistilahkan Ketua Jabatan Komunikasi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Mohd Safar Hashim sebagai `Press Rakan'.

Sekali lagi memetik A Samad Ismail, dikotomi Utara-Selatan tidak saja pertembungan ekonomi antara negara kaya dan kelompok negara miskin. Ia juga dikotomi budaya dan tradisi. Pengamal media negara-negara membangun mendekati isu dan masalah politik, ekonomi, sosial dan budaya dari perspektif masyarakat yang menekankan kepentingan ekonomi negara dan bangsa untuk survival mereka. Kebebasan daripada kelaparan sama penting dengan kebebasan bersuara dan bergerak malah untuk negara-negara membangun, kebebasan daripada kelaparan adalah lebih diutamakan.

(END)